



# Bidikan pemburu ilmu

**Sintok:** Seorang peserta program Inter-Asasi Universiti Utara Malaysia (UUM)-Universiti Putra Malaysia (UPM) 2015 mencuba bakat memanah di Lapang Sasar Memanah UUM. Aktiviti itu menjadi sebahagian daripada pengisian program berkenaan yang disertai 143 pelajar kursus Asasi Pengurusan UUM dan UPM.

● V11




Peserta tekun  
mendengar  
penerangan  
jurulatih.



# Inter-Asasi **asah bakat kepemimpinan**





Peluang memamah turut dimanfaatkan peserta.

Oleh Siti Zaleha Ahmad Nadzim  
bhvarsiti@bh.com.my

► Sintok

**P**rogram Inter-Asasi Universiti Utara Malaysia (UUM)-Universiti Putra Malaysia (UPM) 2015, di sini, baru-baru ini, bukan sahaja berjaya meningkatkan keyakinan dalam diri pelajar, malah membina jaringan antara peserta kedua-dua universiti.

Program memabatkan penyertaan 99 pelajar Asasi Pengurusan UUM dan 44 pelajar UPM itu adalah

asas permulaan kepada mereka merintis budaya ilmu melalui program berimpak tinggi.

Timbalan Pengarah Pusat Asasi Pengurusan UUM, Prof Madya Md Zahir Mat Cha, berkata program itu antara usaha universiti mempromosikan Program Asasi Pengurusan yang menyasarkan pembabitan pelajar cemerlang dan holistik.

Katanya, pelbagai ilmu dan pengalaman baharu diraih peserta dalam program dua hari itu khususnya dalam aspek kepemimpinan dan pengurusan.

#### Beri pendedahan

Sementara itu, pelajar UPM, Najimah Mohd Zulkifle, berkata antara aktiviti yang disajikan kepada peserta termasuk slot *Talk-Crime Prevention* yang memberi pendedahan mengenai aspek jenayah iaitu bagaimana pelajar menuntut keadilan dan jaminan keselamatan diri.

Katanya, paling mengujakan apabila peserta diberi kepercayaan menguruskan

asara, sekali gus membina kemahiran kepimpinan dan daya pemikiran kritis dalam membuat keputusan.

"Slot *Kenali Sahabat dan Effective Communication Skills* pula mengajak peserta menguasai kemahiran komunikasi secara berkesan untuk tampil yakin ketika berdepan dengan orang ramai dan membina karakter sebagai pemimpin berwibawa.

#### Idea bernas

"Slot *Thinker's Project* pula peserta dari kedua-dua universiti bekerjasama memikirkan suatu program yang berimpak tinggi dan berpotensi untuk dilaksanakan," katanya.

Katanya, tugas itu berjaya menyatukan idea bernas dan semangat kerjasama yang tinggi antara kedua-dua universiti sebelum membentangkan idea bernas hasil perbincangan yang dilakukan.

Setelah penat mengerah minda, katanya, peserta turut meluangkan masa beriadah di U-Assist, Lapang Sasar Memanah dan Akademi Golf Nasional UUM sambil menikmati suasana kehijauan sekitar kampus



Peserta Inter-Asasi UUM-UPM selepas melawat padang golf UUM.